

24 OCT 2000

Taib-Bakun

BAKUN HARUS DIMAJU BAGI MANFAAT SEPENUHNYA, KATA ABDUL TAIB

KUCHING, 24 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud menyambut baik usaha memulihkan Projek Empangan Elektrik Hidro Bakun (BHEP) di Belaga dan mahukan projek itu dimajukan bagi manfaat sepenuhnya.

"Bagaimanapun, keputusan muktamad sama ada untuk menggerakkan semula projek itu mengikut cadangan asal dengan keupayaan menjana 2,400 megawatt (MW) terletak pada kerajaan Persekutuan," kata beliau kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan akan meneruskan projek berkenaan tetapi belum membuat keputusan mengenai tahapnya.

Abdul Taib sebelumnya merasmikan bengkel Kewartawan Sains dan Teknologi kelapan anjuran Institut Akhbar Malaysia (MPI), di sini.

Projek itu ialah satu daripada projek utama infrastruktur bernilai RM13.6 billion yang ditangguhkan berikutan kegawatan ekonomi pada 1997.

Projek empangan itu mengikut cadangan asal meliputi tembok setinggi 205 meter, kawasan empangan mencakupi 695 km persegi dan kawasan tadahan meliputi 14,750 km persegi.

"Saya yakin para pemimpin kerajaan Persekutuan akan menjalankan kajian menyeluruh tentang keperluannya (permintaan elektrik) negara," kata beliau.

Abdul Taib berkata kerajaan Persekutuan tentu akan mengambil kira perubahan corak pembangunan industri negara dan permintaan bagi tenaga apabila membuat keputusan.

Abdul Taib berkata perdana menteri tidak menolak idea untuk memulihkan projek Bakun kepada cadangan asal dengan keupayaan penjana 2,400 mw elektrik.

Abdul Taib juga berkata faedah daripada projek itu adalah lebih banyak sekarang kerana semua projek asas infrastruktur seperti terowong lencongan sungai, lapangan terbang, jeti dan penempatan penduduk telah selesai.

Syarikat utama yang menunjukkan minat kepada projek itu ialah Ekran Bhd, Gamuda Bhd, United Engineers (M) Bhd, Swiss Asea Brown Boveri, Italian Pirelli Cavi, French Alcatel dan Simens Group.

Projek itu juga meliputi kabel di dasar laut sepanjang 670 km menghubungkan Bakun dengan Semenanjung Malaysia membabitkan kos berjumlah RM7 billion.

-- BERNAMA

FLL MT FAZ